

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH - PPBM]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai peruntukan untuk menyelia dan membaik pulih gelanggang-gelanggang futsal di dalam Parlimen Masjid Tanah di bawah pengawasan Kementerian Belia dan Sukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya mempunyai perancangan dan peruntukan untuk membaik pulih gelanggang-gelanggang futsal di seluruh negara secara berperingkat. Terdapat sebanyak 15 buah gelanggang futsal di dalam Parlimen Masjid Tanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 buah gelanggang futsal di Kg. Melekek Luar dan Kg. Seri Jeram telah dinaik taraf oleh Kementerian pada tahun 2017. Naik taraf baki gelanggang futsal yang terdapat di kawasan Parlimen Masjid Tanah akan dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada permohonan dan peruntukan semasa Kementerian.

Sekian, terima kasih.